

09/03/2000

Kelibat Shahrol dorong SIC semarakkan jualan

Saufi Hamzah

SEPANG International Circuit (SIC) menggesa peminat sukan motor tempatan supaya tidak melepaskan peluang menyaksikan pelumba negara, Shahrol Yuzy Ahmad Zaini, berentap dengan peserta handalan kelas 250cc dalam Grand Prix Motosikal Malaysia di Litar F1 Sepang, 2 April ini.

Kehadiran peminat untuk menyaksikan pelumba tunggal Malaysia yang akan bersaing sepenuhnya dalam kalendar Grand Prix Dunia itu seharusnya dapat menyemarakkan Yuzy, yang memikul cabaran pasukan Petronas Sprinta TVK.

Menurut Pengurus Besar SIC, Hussin Mohd Ali, peminat patut berbangga kerana Yuzy buat julung kali tampil sebagai pelumba penuh Grand Prix dengan bukan sahaja berlumba di negara ini, malah di 15 litar lain di seluruh dunia.

"Jika Yuzy sebelum ini menggunakan tiket `wild card', tahun ini dia menjadi satu-satunya pelumba Malaysia selaku peserta tetap kejohanan.

"SIC juga bangga kerana bukan saja menjadi tuan rumah perlumbaan tetapi mempunyai pelumba tempatan yang sebelum ini menempa nama di Eropah," katanya.

Pasukan Petronas Sprinta TVK dilancarkan pada 11 Februari lalu dengan mengesahkan penyertaan dalam Kejohanan Grand Prix Motosikal Dunia 2000. Selain Yuzy, pasukan itu diwakili pelumba Jepun, Naoki Matsudo, yang juga juara Seluruh Jepun, dengan menggunakan motosikal TZ250.

Dalam perkembangan lain, Hussin berkata pengurusan litar berkenaan sedang menukar tanda garisan di sepanjang litar dengan menggunakan sejenis cat khas yang diarahkan oleh Persekutuan Motosikal Antarabangsa (FIM).

"Kami diarahkan supaya menyiapkan kerja itu dalam tempoh dua minggu. Setakat ini, tiada perubahan besar lain yang perlu dibuat.

"Malah wakil FIM tidak akan membuat pemeriksaan kali ini. Selepas pemeriksaan tahun lalu, litar ini sudah disahkan selamat untuk menganjurkan acara selama tiga tahun."

Mengenai marsyal ketika perlumbaan, pihaknya mengganggarkan kira-kira 500 orang akan terbabit sambil menanti kelulusan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) yang menetapkan supaya mereka didaftarkan.

Hussin turut mengesahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan perlumbaan pada 2 April ini sebelum acara pertama berlangsung.

Grand Prix Motosikal Malaysia 2000 bakal menyaksikan penyertaan 27 penunggang dalam kelas 125cc, 28 dalam 250cc dan 22 pelumba, termasuk juara bertahan, Alex Criville, berentap dalam acara 500cc.

Perlumbaan sulung akan berlangsung di Litar Welkom, Ahad depan.

(END)